

Headline	Manfaat kepakaran pensyarah selesai masalah
Date	10. Mar 2008
Media Title	Harian Metro
Section	Variasi
Circulation	336603
Readership	2192000
Language	MALAY
Page No	6,7
Article Size	1431 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



BINCANG...jika mempunyai masalah, adukan kepada mereka yang arif dan berpengalaman supaya tidak menanggung beban keseorangan, sekali gus mengganggu kehidupan seharian.

TEKANAN...pebagai reaksi wajah atau tubuh badan boleh ditunjukkan mereka bermasalah dan mentor atau PA perlu peka.

BEGINI...perlu ada rasa tanggungjawab di kalangan mentor untuk membantu mentee dalam apa jua aspek selagi tidak melanggar norma agama dan masyarakat.



Manfaat kepakaran pensyarah selesai masalah

Ada mahasiswa enggan berjumpa pembimbing kerana takut dilabel lemah tetapi akhirnya hilang arah

>>Oleh Ruhaila Rusmin
ruhaila@hmetro.com.my

MEMASUKI institusi pengajian tinggi (IPT) atau menara gading ibarat memasuki kelompok masyarakat yang baru dan berbeza.

Di sini, mereka perlu melakukan sendiri sama ada membuat keputusan, menyelesaikan masalah atau melaksanakan tanggungjawab.

Persaingan di IPT menuntut komitmen yang jitu kerana sebagai pelajar yang matang, mereka tidak semata-mata disogokkan dengan buku tetapi terdedah dengan pelbagai suasana berbeza.

Justeru, seseorang itu perlu mempunyai persediaan mental dan fizikal untuk tinggal dalam kelompok masyarakat baru itu dalam tempoh tiga atau

empat tahun.

Bagi pelajar di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), mereka berurung kerana disediakan dengan program mentor mentee dan penasihat akademik (PA) bagi menyediakan ruang untuk bertukar pendapat dan menyelesaikan masalah.

Program ini amat berfaedah tetapi adakah ia dimanfaatkan sepenuhnya untuk kebaikan pelajar?

Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Antarabangsa Management & Science University (MSU), Nik Fakrul Hazri Nik Hassan, berkata ramai pelajar tidak menggunakan kemudahan itu sepenuhnya.

Mahasiswa mempunyai tanggapan mampu menyelesaikan masalah sendiri tetapi cara penyelesaiannya kurang berkesan.

Menurutnya, masalah boleh diselesaikan dan tiada slaya boleh menghalang penggunaan pelbagai mekanisme bagi menatasinya tapi perlu memastikan cara berkenaan berkesan.

"Di menara gading, banyak cabaran perlu dilalui dan sentiasa berdepan dengan pelbagai masalah. Yang penting, cara penyelesaian perlu betul supaya tidak meninggalkan natijah di kemudian hari."

"Tidak kisah gunakan apa saja kaedah penyelesaian tapi lebih baik jika dipantau seseorang lebih berpengalaman dan berilmu untuk membantu. Cara ini lebih efektif," katanya.

Keengganan berjumpa mungkin kerana malu, tidak selesa atau jurang perhubungan jauh dengan pensyarah. Akibatnya mereka semakin hilang arah tujuan, tidak tahu merencana masa depan dengan baik selain terus dihimpit beban perasaan.

Program ini sebagai wadah memberi nasihat atau membantu penyelesaian masalah serta ditunjangi mentor ber taraf profesional, komited serta dedikasi.

Nik Fakrul Hazri berkata, mahasiswa seharusnya menggunakan peluang ini untuk meredakan kemelut atau masalah selain memperoleh pelbagai maklumat berguna seperti menganalisis kerjaya masa depan.

Menurutnya, tanggapan jika berjumpa hanya menunjukkan kelemahan tidak tepat kerana perbincangan bukan bertujuan mencari kesalahan tapi membantu melihat masalah dari skop berbeza.

"Berdasarkan pengalaman,

Headline
Date
Media Title

Manfaat kepakaran pensyarah selesai masalah
10. Mar 2008
Harian Metro

karan esai masalah



HARAPAN MASA DEPAN......mahasiswa mahu belajar bersungguh-sungguh untuk memperoleh kejayaan cemerlang tapi pada masa sama tidak dapat mengelak daripada berdepan masalah sepanjang proses menuntut ilmu.



JANGAN BERI TEKANAN...
pensyarah tidak boleh keterlaluan memberi tekanan kepada mahasiswa.

ada mahasiswa enggan berjumpa kerana takut dilabelkan emah atau mempunyai ego tinggi.

"Berjumpa bukan hanya terhad pada isu menyelesaikan masalah tapi memperoleh pelbagai maklumat semasa. Tu juga penting sebab boleh membuka minda atau menambah pengetahuan."

"Mahasiswa kena ubah persepsi. Tugas mentor atau PA pada asasnya membantu menyelesaikan masalah tapi boleh dijadikan rakan dan berkongsi pelbagai maklumat. Ia dilakukan atas dasar profesional dan tidak melanggar batas agama dan masyarakat," katanya.

Beliau yang juga mentor kepada 43 mahasiswa fakulti itu berkata, antara pendekatan sering dilakukan ialah mengadakan pelbagai aktiviti setiap Rabu yang dikenali sebagai Hari Mentor Mentee.

Menurutnya, dengan aktiviti itu, hubungan mentor bukan saji bertambah erat tapi mengenali keperibadian mentee dengan lebih mendalam.

"Satu bonus kalau mentor dapat mengenali karakter mentee, ini memudahkan jika mereka mahu berurusan. Perjumpaan itu juga boleh merapatkan hubungan antara satu sama lain," katanya.

Katanya, tiada kriteria khusus menjadi mentor, asalkan sesorong itu berpengalaman dan ikhlas membantu.

"Ini bukan hanya tindakan kata-kata tapi perlu disertai kemahiran mendengar, memahami, bertolak ansur dan sabar. Mereka datang kerana inginkan bantuan, jadi jangan hanya ikut rentak diri sendiri tapi kena ikut rentak mereka."

"Mentor atau PA kena faham situasi, jika gembira, suasana nyata boleh santai, tapi kalau sebaliknya, perlu gunakan pendekatan sesuai," katanya.

Beliau mengingatkan mahasiswa bersikap terbuka dan ingin berubah kerana proses penyelesaian masalah menjadi sukar jika tiada kerjasama antara kedua-dua pihak.

"Ini adalah proses pembelajaran secara berterusan dengan penekanan konsep pembinaan keyakinan dan bermuhasabah diri. Sikap terbuka perlu supaya masalah mampu dirungkai."

"Kesempatan disediakan institusi sewajarnya digunakan dengan baik. Jangan tunggu hingga keadaan semakin kronik sehingga mengganggu pembelajaran dan kehidupan.

"Kampus bukan tempat untuk

membebarkan diri dengan masalah. Jika bermasalah, cepat bertindak mencari jalan keluar," katanya.

Pengarah Pusat Pembangunan Akademik UPM, Profesor Madya Dr Sidek Ab Aziz, berkata walaupun tidak mempunyai banyak persamaan dengan program mentor mentee, fungsi PA masih sama laju membantu mahasiswa jika berdepan masalah.

Menurutnya, walaupun peranan PA di sesetengah institusi pengajian awam kurang terserlah, ini bukan bermakna mereka tidak menghulurkan bantuan.

"Bezanya, kebanyakan mahasiswa datang untuk menyelesaikan masalah berkaitan tugas atau akademik. Jika dibandingkan dengan program mentor mentee, ia mencakupi pelbagai aspek menyeluruh."

"PA tetap mengambil berat kerana mahasiswa boleh berbincang dengan kena ikut kesesuaian waktu dan penerimaan pensyarah. Biasanya PA sentiasa membantu," katanya.

Mengulas mengenai tanggapan ada segelintir PA di IPTA tidak mesra pelajar dan enggan diganggu, beliau berkata, itu karut dan tidak berasas.

"Bergelar pensyarah bermakna sudah bersedia menerima tanggungjawab akademik dan tugas lain. Saya juga pernah dengar, ada mahasiswa kata jurang antara PA dengan mahasiswa jauh, tapi mungkin disebabkan pendekatan digunakan tidak relevan."

"Sama ada PA atau mentor, tugas kami sama demi menjaga kebijakan serta kejayaan anak didik," katanya.



Di menara gading, banyak cabaran perlu dilalui dan sentiasa berdepan dengan pelbagai masalah. Yang penting, cara penyelesaian perlu betul supaya tidak meninggalkan natiijah di kemudian hari"

>Nik Fakrul Hazri Nik Hassan
Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
Antarabangsa, Management & Science University (MSU)



PA tetap mengambil berat kerana mahasiswa boleh berbincang tapi kena ikut kesesuaian waktu dan penerimaan pensyarah. Biasanya PA sentiasa membantu"

>Profesor Madya Dr Sidek Ab Aziz
Pengarah Pusat Pembangunan Akademik UPM